

**Gerakkan rizab Malaysia yang besar, kata Dr M  
Malaysiakini.com  
November 29, 2010**

Rizab antarabangsa Malaysia yang besar jumlahnya boleh digerakkan, kata bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Rizab kita hari ini terlalu tinggi. Kita ada rizab berjumlah lebih US\$100 bilion, yang boleh menampung lapan bulan import tertanggung," katanya.

NONEnegara hanya memerlukan rizab bagi hingga tiga atau empat bulan import tertanggung, katanya dalam ucapannya pada acara "Revisiting Vision 2020" anjuran Institut Pemasaran Malaysia di Kuala Lumpur hari ini.

"Daripada US\$100 bilion itu, kita sebenarnya boleh menggerakkan US\$50 bilion, yang akan membantu kerajaan. Kerajaan berkata ia tidak ada wang untuk berbuat itu dan ini, tiada wang untuk memberi subsidi. Jadi, kenapa tidak gunakan wang ini," kata beliau.

Semasa krisis kewangan Asia 1997/98, rizab luar negara Malaysia berjumlah hanya US\$17 bilion dan semasa pemulihan jumlahnya ialah US\$30 bilion, katanya.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, beliau tidak pasti sama ada rizab yang lebih tinggi itu disebabkan oleh penurunan nilai dolar atau itu merupakan rizab sebenar negara.

Dolar Amerika jatuh nilainya sebanyak kira-kira 20 peratus berbanding ringgit.

NONEbank Negara Malaysia mengumumkan bahawa setakat 15 Nov, rizab antarabangsa Malaysia berjumlah RM326.5 bilion (bersamaan US\$105.8 bilion).

Kedudukan rizab ini mencukupi untuk membiayai 8.8 bulan import tertanggung dan adalah 4.5 kali hutang jangka pendek luar negara, kata Dr Mahathir.

Beliau juga berkata Malaysia dengan mudah boleh muncul sebagai negara kaya jika ringgit mengukuh ke paras sebelum krisis iaitu RM2.50 bagi setiap dolar.

Pada masa ini, ringgit berlegar pada sekitar RM3.1 berbanding mata wang Amerika itu.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/149478>